

# TINJAUAN PENGGUNAAN VAPE DALAM KALANGAN BELIA MALAYSIA

Laporan ini disediakan oleh Penyelidik Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

*Dapatan ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi belia Malaysia. Namun, dapatan ini boleh digunakan untuk memberi gambaran dalam konteks kajian ini sahaja.*

## PENGENALAN

Penggunaan vape dalam kalangan belia telah menimbulkan kegusaran dan kerisauan pelbagai pihak. Menyedari trend ini, IYRES telah melaksanakan tinjauan berhubung penggunaan vape dalam kalangan belia Malaysia.

## OBJEKTIF

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan dan kesedaran tentang kesan vape kepada kesihatan;
2. Mengenalpasti tahap penggunaan vape dalam kalangan belia berumur 15 tahun hingga 30 tahun; dan
3. Mengemukakan cadangan untuk menggurangkan kadar penggunaan vape dalam kalangan belia selaras dengan dasar Generasi Penamat atau *Generation End Game* (GEG).

## METODOLOGI

Tinjauan ini telah dilaksanakan oleh IYRES mulai 26 September hingga 25 Oktober 2023 melalui pautan https://bit.ly/vapebeliamalaysia. Hebahan telah dibuat menerusi pangkalan data Hub Profil Belia IYRES dan melalui media sosial.

## DEMOGRAFI RESPONDEN N = 1,484

### JANTINA

- Lelaki 54.6% (n = 811)
- Perempuan 45.4% (n = 673)

### KUMPULAN UMUR

| Kumpulan umur | % | n |
|---|---|---|
| Belia Awal (15 hingga 18 tahun) | 23.7% | n = 352 |
| Belia Pertengahan (19 hingga 24 tahun) | 69.5% | n = 1,031 |
| Belia Akhir (25 hingga 30 tahun) | 6.8% | n = 101 |

### ETNIK

| Etnik | % | n |
|---|---|---|
| Melayu | 85.6% | n = 1,270 |
| Bumiputera Sabah | 5.8% | n = 86 |
| Cina | 3.6% | n = 53 |
| India | 3.0% | n = 45 |
| Bumiputera Sarawak | 1.6% | n = 24 |
| Lain-lain | 0.3% | n = 4 |
| Orang Asli | 0.1% | n = 2 |

## TREND PENGGUNAAN VAPE

### JUMLAH PENGGUNA VAPE

N = 1,484

- Ya 28.8% (n = 427)
- Tidak 71.2% (n = 1,057)

### VAPE YANG DIGUNAKAN MEMPUNYAI NIKOTIN

n = 427

- Ya 82.7% (n = 353)
- Tidak 17.3% (n = 74)

### JENIS VAPE YANG DIGUNAKAN n = 427

| Jenis | Bilangan |
|---|---|
| *Tanks and Mods* | 299 |
| *Rechargeable Vape* | 240 |
| *Disposable* | 131 |
| Lain-lain | 6 |

### JUMLAH JENIS VAPE YANG DIGUNAKAN n = 427




### JUMLAH SEDUTAN SEHARI

n = 427




## TAHAP PENGETAHUAN RESPONDEN TERHADAP KESAN VAPE KEPADA KESIHATAN n = 427

- **75.9%** Bersetuju penggunaan vape akan memberi kesan kepada kesihatan dalam jangka panjang
- **53.4%** Berpendapat asap vape tidak akan memberi kesan kepada tahap kesihatan penghidu atau orang sekeliling atau terdekat seperti rokok
- **42.2%** Bersetuju penggunaan vape akan memberi kesan kepada kesihatan dalam jangka pendek
- **33.7%** Bersetuju kandungan perisa vape tidak memberi kesan kepada kesihatan
- **25.8%** Berpendapat vape tidak akan memberi kesan atau menjejaskan kepada tahap kesihatan pengguna



## TAHAP KESEDARAN RESPONDEN TERHADAP PENGGUNAAN VAPE

n = 427

- **72.6%** Bersetuju tidak mempunyai barang terlarang seperti cecair ketamin, pati ganja, dan syabu
- **61.4%** Bersetuju menggunakan vape sebagai alternatif untuk berhenti merokok
- **48.0%** Bersetuju vape dijual dengan harga lebih murah berbanding rokok
- **37.2%** Bersetuju amalan penggunaan vape dalam kalangan belia
- **24.6%** Bersetuju tidak ketinggalan zaman jika menggunakan vape
- **21.3%** Bersetuju menggunakan vape untuk mengikuti trend belia semasa
- **19.2%** Bersetuju vape tidak mempunyai nikotin

## PANDANGAN RESPONDEN TENTANG PENGGUNAAN VAPE DALAM KALANGAN BELIA

N = 1,484

### KESIHATAN

- Amalan dan gaya hidup yang tidak sihat
- Menjejaskan kesihatan individu pengguna dan memudaratkan kesihatan orang sekeliling dalam masyarakat
- Terdapat perasa yang dicampur dengan bahan terlarang
- Vape digunakan untuk melepaskan tekanan/ stres
- Pengguna tidak pasti kesan terhadap kesihatan

### SOSIAL

- Amalan tidak bermoral
- Tidak menghormati orang sekeliling kerana menghembus asap di khalayak ramai
- Aktiviti dan gaya hidup tidak berfaedah
- Inisiatif berhenti merokok
- Kecewa dengan cara penggunaan vape disebabkan pengaruh sekeliling dan media sosial
- Menganggu ketenteram awam

### KEWANGAN

- Pembaziran kewangan dan menjejaskan kewangan peribadi
- Vape lebih murah dari rokok
- Meningkatkan kos perubatan dan beban peruntukan kesihatan kepada kerajaan
- Mudah dibeli kerana terdapat banyak kedai vape dan berleluasa

### ALAM SEKITAR

- Menyebabkan pencemaran udara melalui asap vape



## CADANGAN MENGGURANGKAN PENGGUNAAN VAPE DALAM KALANGAN BELIA SELARAS DENGAN DASAR GENERASI PENAMAT ATAU GENERATION END GAME (GEG)

N = 1,484

- Membendung aktiviti vape di sekolah, tempat kerja dan tempat awam melalui penguatkuasaan dan pemeriksaan oleh pihak berkuasa.
- Mewujudkan dan menyenarai kawasan larangan serta mengenakan hukuman dan denda yang sesuai.
- Memperbanyakkan promosi, program pendidikan dan kempen kesedaran mengenai vape kepada belia, ibu bapa dan masyarakat.
- Memperketat peraturan pengiklanan vape di media sosial, media eletronik dan lain-lain.
- Mengehadkan dan memperketatkan kebenaran jualan, penggunaan dan pembelian vape kepada golongan wanita, belia berumur 18 tahun ke bawah dan kanak-kanak terutamanya generasi yang lahir selepas Januari 2007.
- Menaikkan harga vape dan mengenakan cukai jualan.
- Menyediakan sistem sokongan dan bantuan kaunseling kepada belia yang ingin berhenti menggunakan vape.